

Sungai kian mendekati rumah

Oleh LUQMAN HAKIM RAHIM
dan YUSNILAH YUNUS
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Bagi telur di hujung tanduk. Ancaman hakisan di Sungai Sering, Batu 9 1/2 di sini sudah sampai ke tahap menyukarkan penduduk tidur lena.

Sejam musim tengkujuh bulan lalu, arus deras sungai menghentam tebing dan semakin menghampiri sebahagian daripada 50 rumah penduduk.

Dalam keadaan musim hujan yang belum berakhir, arus deras sungai menjadikan kedudukan tebing sudah berada hanya lima meter dari rumah.

Tinjauan *KOSMO!* mendapati, kesan hakisan yang teruk juga menjadikan sungai semakin cetek.

Seorang penduduk, Mohd. Zaid Othman, 22, berkata, apabila hujan lebat, aliran sungai menjadi deras dan ketika itulah hakisan menjadi-jadi.

"Dahulunya sungai ini memang lebar, tetapi sejak teruk dihakis, ia kian sempit," ujarinya.

Zaharah Aluwi, 51, pula memberitahu, masalah ini pernah dirujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), namun masih tiada tindakan diambil.

Dia takut jika masalah itu dibiarkan, bukan sahaja rumah penduduk boleh hanyut air deras, tetapi juga bersama-sama dengan penghuninya sekali.

Masalah tersebut tidak terhenti setakat itu sahaja. Bagi Zulluni Ramli, 46, pula, dasar sungai yang cetek telah menyebabkan risiko banjir kilat.

"Sudah dua kali banjir berlaku tahun ini. Hidup kami diselubungi ketakutan kerana bila hujan, kami memerhati sahaja air sungai melimpah melebihi tebing dan memasuki rumah," katanya.



MOHD. ZAID menunjukkan tebing Sungai Sering, Cheras yang semakin melebar akibat hakisan.